



30 JUL, 2026

Skuad hoki SK Kedai Buloh 1terima sumbangan TNB



Utusan Malaysia, Malaysia



Skuad hoki SK Kedai Buloh 1 terima sumbangan TNB

SKUAD hoki lelaki dan perempuan bawah 12 tahun Sekolah Kebangsaan (SK) Kedai Buloh 1, Kota Bharu, Kelantan menerima sumbangan peralatan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Sumbangan bertujuan melonjakan semangat pemain yang merangkul kejuaraan kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah (MSSD) Kota Bharu baru-baru ini.

Guru penasihat pasukan, Megat Hasnul Bolkiah Mohd.

Hasni berkata, ia menjadi motivasi buat barisan pemain untuk terus memperagakan aksi terbaik dalam pertandingan selepas ini.

Katanya, barisan pemain diharap dapat kekal fokus dan mengharumkan nama sekolah ke peringkat lebih tinggi.

■ SEBAHAGIAN pemain hoki perempuan bawah 12 tahun SK Kedai Buloh 1, Kota Bharu, Kelantan yang menerima sumbangan peralatan daripada TNB.